

6.1 Pengenalan Ekonomi Moden oleh Kuasa Barat di Negara Kita

Pengenalan

Kedatangan kuasa Barat menyebabkan berlakunya perubahan sistem pentadbiran di negara kita. Tempoh tersebut menandakan permulaan perubahan bentuk ekonomi dan sosial negara. Semasa pemerintahan British, mereka memperkenalkan sistem ekonomi moden yang lebih mementingkan keuntungan dan pengumpulan harta melalui proses penukaran barangan atau jual beli serta pembayaran-pembayaran lain. Sistem ekonomi moden ini berasaskan beberapa ciri seperti modal, tanah, teknologi moden, buruh dan pengeluaran dalam skala yang besar.




1. Modal


Pembangunan ekonomi moden memerlukan pelaburan modal yang besar dari luar negara dan modal tempatan. Modal yang besar diperlukan untuk mempertingkatkan proses pengeluaran dalam sektor perlombongan dan pertanian supaya memberikan pulangan keuntungan yang lumayan kepada pelabur-pelabur Eropah.



Lombong emas di Raub, Pahang pada tahun 1890-an.



Lombong petroleum yang pertama di Miri, Sarawak.



Menara lombong arang batu di Tanjung Kubong, Labuan, Sabah.

[Sumber: Wendy Khadijah Moore, 2004. *Malaysia, A Pictorial History 1400-2004*. Kuala Lumpur: Editions Didier Millet, Arkib Negara Malaysia dan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad]

(i) Perlombongan

Negeri-negeri Melayu

- Emas dilombong secara komersial [redacted]
- Arang batu dilombong [redacted]
- Bijih timah dilombong di daerah [redacted]
- Pada tahun 1888, British membuka lombong bijih timah bawah tanah yang terpanjang dan terdalam di dunia, iaitu di [redacted]
- Kawasan lombong bijih timah baharu kemudian dibuka di [redacted] Kuala Lumpur dan [redacted] Perak.
- Permintaan bijih timah yang tinggi di pasaran dunia menyebabkan British menggubal enakmen dan undang-undang bagi menguasai industri bijih timah.
- Antara syarikat perlombongan termasuklah [redacted] dan [redacted]

Sarawak

- Kegiatan melombong emas dijalankan oleh orang [redacted] di Bau pada tahun 1820-an.
- Perlombongan emas kemudiannya diusahakan oleh Syarikat Borneo Berhad.
- Charles Brooke memberikan hak monopoli melombong [redacted] kepada Syarikat Borneo Berhad.
- Syarikat Borneo Berhad menjalankan kegiatan perlombongan antimon di [redacted] dan [redacted]
- [redacted] dilombong di Sadong dan diusahakan oleh Syarikat Borneo Berhad.
- The Anglo Saxon Petroleum Company melabur dalam perlombongan [redacted] di Sarawak pada tahun 1882.
- Petroleum dijumpai di Miri pada tahun 1910. Kilang menapis minyak didirikan di [redacted], Miri.

Sabah

- Kegiatan melombong [redacted] dijalankan di Sungai Segama oleh orang Cina.
- Syarikat Borneo Utara British membawa masuk pemodal Eropah yang memperkenalkan teknologi baharu dalam melombong emas.
- [redacted] dilombong di Silimpon, Sandakan dan Labuan.
- Perlombongan ini diusahakan oleh [redacted]



Cerna Minda

Namakan pemodal yang melabur dalam kegiatan perlombongan di Sarawak dan Sabah.



Tahukah Anda?

Syarikat Borneo Berhad ditubuhkan pada tahun 1856. Ibu pejabatnya terletak di Singapura. Syarikat ini menjalankan kegiatan melombong di Sarawak dan Sabah.